



**JABATAN PELESENAN  
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN**

# **GARIS PANDUAN**

**PERMOHONAN  
LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN  
IKLAN**

**JABATAN PELESENAN  
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN  
JALAN AIR PUTIH  
24000 KEMAMAN TERENGGANU**

**TEL: 09-8597700 / 7777 Faks:09-8595455  
EMEL: [mpk@mpkemaman.gov.my](mailto:mpk@mpkemaman.gov.my)  
LAMAN SESAWANG: [www.mpk.terengganu.gov.my](http://www.mpk.terengganu.gov.my)**

**TERBITAN 15 OGOS 2023 (BIL.1/2023)**

## 1. OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara untuk mendapatkan Lesen Perniagaan & Iklan bagi menjalankan aktiviti perniagaan atau perusahaan sebagaimana yang terkandung dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976(Akta 171) serta Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Kemaman) 2013.

## 2. OBJEKTIF PELESENAN

Untuk memastikan semua perniagaan dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kemaman adalah berlesen dan perniagaan yang beroperasi dalam keadaan selamat juga mematuhi undang-undang sedia ada yang telah diperuntukkan.

## 3. SKOP PELESENAN

Mana-mana aktiviti perniagaan/ perkhidmatan/ perusahaan yang dijalankan di dalam premis dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kemaman sebagaimana jenis berikut: (Senarai terperinci boleh rujuk pada jadual di muka surat 40)

- a. Tred
- b. Perniagaan
- c. Perindustrian
- d. Menyimpan (Stor)
- e. Sementara Hiburan
- f. Pelbagai (apa-apa aktiviti yang tidak disebut dalam jadual Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian MPK 2013)

## 4. ASAS PERUNDANGAN

Semua aktiviti perniagaan/ perkhidmatan/ perusahaan yang dilesenkan adalah berdasarkan pada Undang-Undang Kecil yang diwartakan bagi digunapakai oleh Majlis Perbandaran Kemaman sebagaimana berikut:

- a. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- b. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian 2013
- c. Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan (Majlis Daerah Kemaman) 1990
- d. Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Kemaman) 1989
- e. Undang-Undang Kecil Gunting Rambut Dan Pendandan Rambut (Majlis Daerah Kemaman) 1989
- f. Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah Kemaman 1983
- g. Ebakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002


## 5. PENGECUALIAN LESEN

Garis panduan ini terpakai bagi semua jenis aktiviti perniagaan/ perusahaan/ perkhidmatan **KECUALI**:

- a. Pengecualian lesen perniagaan bagi golongan profesional yang dikawal di bawah akta masing-masing seperti arkitek, jurutera, peguam, doktor, juruukur tanah dan perancang.

## 6. PEMBEKUAN LESEN

Bil.	Aktiviti Dibekukan/ Tidak Dibenarkan
6.1	Sport Toto/Perjudian
6.2	Vape
6.3	Pub/ Kelab Malam
6.4	Minuman Beralkohol









## 7. LESEN YANG DI KAWAL




Bil.	Aktiviti Dikawal (Had kepada lesen yang sedia ada sahaja)
7.1	Barang Lusuh / Besi Buruk
7.2	Peminjam Wang Berlesen
7.3	Pusat Snooker

## 8. SYARAT ASAS PERMOHONAN

Permohonan lesen perniagaan & iklan boleh dibuat oleh pemilik syarikat sebelum sebarang aktiviti dijalankan di premis dengan syarat menyediakan semua dokumen asas permohonan serta dokumen teknikal sokongan yang berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan.

### a. Sepuluh (10) Dokumen Asas Permohonan (wajib disediakan):

BIL	PERKARA	CATATAN	CONTOH
1.	Salinan kad pengenalan/ Pasport pemohon	1 salinan	
2.	Gambar berwarna berukuran pasport	2 keping	
3.	Salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan (SSM)/ Daftar Syarikat (MAA).	1 Salinan	
4.	Salinan perjanjian sewa premis /Surat kebenaran dsalinan geran tanah yang disahkan.	1 Salinan	
5.	Pelan lokasi. Boleh didapati di Kaunter 8. (Kaunter Perancang Bandar,MPK).	1 Salinan	
6.	Gambar pandangan hadapan dan dalam premis. 2 keping gambar pandangan hadapan dari dekat dan jauh. 2 keping gambar pandangan sisi premis menampakkan premis		

	bersebelahan.		
7.	Salinan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) <b>ATAU</b> Sijil Pematuhan (CCC/CFO)	1 Salinan	
8.	Ukuran lantai premis	1 Salinan	
9.	Lakaran/ visual papan iklan yang telah disahkan oleh pihak Dewan Bahasa & Pustaka (DBP):	1 keping	
10.	Salinan Kad Pengenalan/Pasport Pekerja.	1 Salinan	
11.	Surat sokongan i. Pejabat kesihatan Daerah Kemaman. ii. Balai Bomba dan Penyelamat. iii. Pejabat Tanah Kemaman. iv. Jabatan Alam Sekitar. v. Jabatan Polis Diraja Malaysia vi. Lain-lain Jabatan bergantung kepada aktiviti premis.	1 keping	

## 8) DOKUMEN TAMBAHAN MENGIKUT JENIS AKTIVITI

Pemohon dikehendaki untuk mengemukakan **1 salinan** dokumen sokongan berdasarkan aktiviti perniagaan yang dijalankan sebagaimana berikut:

### 1) Perkilangan / Perindustrian / Bengkel / Kejuruteraan

BIL	AKTIVITI PERNIAGAAN	DOKUMEN TAMBAHAN	PIHAK BERKUASA MELESEN
1.	Memproses Barang Kawalan Berjadual	Lesen Mengilang Bagi Barang Kawalan Berjadual Di Bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (CSA)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).
2.	Perindustrian/Pembuatan /Kilang memproses yang menggunakan mesin jentera.	Kelulusan Mesin Jentera	Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia.
3.	Membuat alat-alat timbang dan Sukat.	Lesen Membuat/ Membaiki/ Menjual Alat-Alat Timbang & Sukat Di Bawah Akta Timbanbg & Sukat 1972.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).
4.	Membuat Papan Suis	Kelulusan Untuk Mengilang Papan Suis	Suruhanjaya Tenaga (ST), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KETTHA).
5.	Membuat Peralatan Gas	Mengilang Peralatan Gas	Suruhanjaya Tenaga (ST), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA).
6.	Memproses Bahan Berasaskan Biodiesel	Lesen Biobahan Api	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).
7.	Memproses produk berasaskan bahan Kelapa Sawit	Lesen Kategori Utama: i. Membina Kilang. ii. Pekebun Kecil. iii. Estet.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi

Bil	Aktiviti Perniagaan	Dokumen Tambahan	Pihak Berkuasa Melesen
		iv. Lain-lain.	(MPIC).
8.	Mengawet Tembakau	Lesen Mengawet Tembakau	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).
9.	Memproses produk tembakau	Lesen Mengilang Tembakau atau Keluaran Tembakau	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).
10.	Memproses produk berasaskan Getah	Lesen Pembuatan Produk Getah	Lembaga Getah Malaysia, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).
11.	Membina badan/ Mengubahsuaikan Kenderaan Perdagangan	Sijil Pendaftaran Bengkel Kejuruteraan ( Bina Badan/ Pengubahsuaian Teknikal Kenderaan Perdagangan)	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT).
12.	Pembuatan Kenderaan Perdagangan Bina Semula/Kereta Rekon	Kelulusan Pendaftaran Kilang Kenderaan Perdagangan Binaan Semula (Rebuilt)	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT).
13.	Pemasangan dan pengubahsuaian teknikal bagi CNG/NGV	Pendaftaran bengkel kejuruteraan (pemasangan pengubahsuaian teknikal bagi CNG/NGV	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT).
14.	Memproses minyak kelapa sawit mentah	Lesen Bagi Menduduki dan Menggunakan Premis yang Ditetapkan (Minyak Kelapa Sawit Mentah)	Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).
15.	Memproses Getah Asli Mentah	Lesen Bagi Menduduki dan Menggunakan Premis yang Ditetapkan (Getah Asli Mentah)	Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

16.	Memproses Produk Berasaskan Kayu	Lesen Industri Berasaskan Kayu (Kilang Papan, Plywood, Moulding, Perabot dll.)	Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).
<b>Bil</b>	<b>Aktiviti Perniagaan</b>	<b>Dokumen Tambahan</b>	<b>Pihak Berkuasa Melesen</b>
17.	Memproses Barangan Farmaseutikal	Lesen Pengilang Keluaran Berdaftar (Farmaseutikal)	Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BFFK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
18.	Memproses produk makanan	Skim Pensijilan Good Manufacturing Practice (GMP), HACCP	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
19.	Memproses Padi	Lesen Kilang Padi (Komersil)	Kementerian Pertanian Malaysia (MOA).
20.	Memproses Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan	Sijil Pendaftaran Pembuat Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan	Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Kementerian Pertanian dan Insusri Asas Tani Malaysia (MOA).
21.	Memproses Nanas/ Produk Berasaskan	Pendaftaran Kilang Nanas dan Kilang Kecil	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Kementerian Pertanian dan Insusri Asas Tani Malaysia (MOA).
22.	Membuat baju kalis peluru	Permit mengimport / membeli / memakai / memiliki / mengilangh bagi membuat dan menjual baju kalis peluru	Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN).
23.	Membuat senjata api	Lesen senjata api	Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN).



## 2) Perkhidmatan – Peruncitan / Jualan

Bil	Aktiviti Perniagaan	Dokumen Tambahan	Pihak Berkuasa Melesen
1.	Menjual Barang Kawalan Berjadual	Lesen Runcit Bagi Barang Kawalan Berjadual Di Bawah Akta Kawalan Bekalanm 1961 (CSA)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).
2.	Menjual Alat-Alat Timbang & Sukat Di Bawah Akta Timbang & Sukat	Lesen Membuat/Mebaiki Menjual Alat-Alat Timbang & Sukat Di Bawah Akta Timbang & Sukat 1972	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).
3.	Menjual Cakera Optik	Lesen Cakera Optik di bawah Akta Cakera Optik 2000	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK).
4.	Pasaraya Besar (Hypermarket, Supermarket, Departmental Store, Distributive Trade, Specialty Store).	Kelulusan Jawatankuasa Perdagangan Pengedaran (bagi pemilik bukan warganegara sahaja)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).
5.	Menjual/ Membeli Kelapa Sawit	Lesen Kategori Utama: i) Membina Kilang ii) Pekebun Kecil iii) Estet iv) Lain-lain	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).
6.	Menjual / Membeli Koko	Lesen Pedagang Koko	Lembaga Koko Malaysia (LKM), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).
7.	Membeli Tembakau Yang Diawet	Lesen Membeli Tembakau Yang Diawet	Lembaga Kenaf Dan Tembakau Negara (LKTN), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

<b>Bil</b>	<b>Aktiviti Perniagaan</b>	<b>Dokumen Tambahan</b>	<b>Pihak Berkuasa Melesen</b>
8.	Menjual Getah/ Produk Berasaskan Getah	Lesen Perdagangan / Memproses Getah	Lembaga Getah Malaysia, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).
9.	Memproses Produk Berasaskan Binatang/Haiwan Eksotik	Lesen Peniaga/Toxidermi	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).
10.	Menjual Beras	Lesen Runcit Beras	Kementerian Pertanian dan Industri Asa Tani Malaysia (MOA).
11.	Menjual Hasil Pertanian	Lesen Keluaran Pertanian	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA).
12.	Jualan Langsung	Lesen Akta Jualan Langsung	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).
13.	Menjual 'pepper spray/security spray'	Permohonan membawa masuk dan penjualan 'pepper spray/security spray'.	Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN).
14.	Menjual Magazin Bahan Letupan	Lesen Magazin Bahan Letupan	Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN).

<b>Bil</b>	<b>Aktiviti Perniagaan</b>	<b>Dokumen Tambahan</b>	<b>Pihak Berkuasa Melesen</b>
15.	Menjual CD, DVD, VCD	Kelulusan daripada FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MOH).
16.	Farmasi	Perakuan Pendaftaran Farmasi	Lembaga Farmasi Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH).
17.	Kedai Cermin Mata / Optometri	Perakuan Kelayakan Optometri	Majlis Optik Malaysia (MOM), Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH).
18.	Menjual produk kesihatan	Kelulusan daripada Kementerian Kesihatan	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
19.	Menjual racun	Kelulusan daripada Jabatan Pertanian	Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA).
20.	Menjual Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan	Sijil Pendaftaran Penjual Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan	Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA).
21.	Menjual peralatan dan pakaian seragam polis	Permit berniaga peralatan dan pakaian seragam polis	Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN).

### 3) Perkhidmatan – Pejabat Urusan

Bil	Aktiviti Perniagaan	Dokumen Tambahan	Pihak Berkuasa Melesen
1.	Pejabat Urusan Kontraktor Gas	Perakuan Pendaftaran Kontraktor Gas	Suruhanjaya Tenaga (ST), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA).
2.	Pejabat Urusan Agen Pelancongan / Agen Pengembaraan	Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC).
3.	Pejabat Urusan Syarikat Perunding dan Jurutera Profesional	Pendaftaran Syarikat Perunding dan Jurutera Profesional	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT).
4.	Pejabat Urusan Pemaju Perumahan	Lesen Pemaju Perumahan Permit Iklan & Jualan Baru Pemaju	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
5.	Pejabat urusan Agensi Pekerjaan Swasta	Lesen Agensi Pekerjaan Swasta	Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Manusia (MOHR).
6.	Pejabat Urusan Agensi Persendirian	Lesen Agensi Persendirian	Kementerian Dalam Negeri (KDN).
7.	Pejabat Urusan Syarikat Perunding Kejuruteraan	Pendaftaran Syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan	Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR).
8.	Pejabat Urusan Kontraktor	Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR).

#### 4) Perkhidmatan – Pusat Latihan & Pendidikan

Bil	Aktiviti Perniagaan	Dokumen Tambahan	Pihak Berkuasa Melesen
1.	Sekolah Persendirian / Pusat Tuisyen / Pusat Bahasa / Pusat Pendidikan	Kelulusan Janatan Pendidikan Negeri	Kementerian Pendidikan
2.	Institut Pendidikan Tinggi Swasta	Pendaftaran IPTS	Kementerian Pendidikan Tinggi (MOHE)
3.	Sekolah Memandu	Permit Sekolah / Institut Memandu	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Pengangkutan (MOT)
4.	Sekolah Penerbangan	Perakuan Sekolah Penerbangan Kelulusan Latihan	Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA), Kementerian Pengangkutan (MOT)
5.	Sekolah / Penyedia Latihan Pelancongan	Lesen Institut Latihan Pelancongan	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC)
6.	Sekolah / Penyedia Latihan Pengendali Makanan	Pengiktirafan Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM)	Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan (BKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia
7.	Tadika / Pusat Pendidikan Kanak-Kanak Pra- Sekolah (4-6 Tahun )	Kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri	Kementerian Pendidikan (MOE)
8.	Taska	Perakuan Pendaftaran Taman Asuhan Kanak-Kanak	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

9.	Pusat Jagaan	Perakuan Pendaftaran Pusat Jagaan	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)
----	--------------	-----------------------------------	---

### Perkhidmatan – Hospitaliti & Perhotelan

Bil	Aktiviti Perniagaan	Dokumen Tambahan	Pihak Berkuasa Melesen
1.	Hotel / Hotel Bajet	Pendaftaran Hotel	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC)
2.	Homestay / Townstay / Citystay	Pendaftaran Premis Penginapan Pelancong	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC)

### 5) Perkhidmatan – Kesihatan

Bil.	Aktiviti Perniagaan	Dokumen Tambahan	Pihak Berkuasa Melesen
1.	Klinik Perubatan / Pergigian Swasta	Perakuan Pendaftaran untuk Menubuhkan / Menyenggarakan/ Mengendalikan/ Menyediakan Klinik Perubatan/ Pergigian Swasta	Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH).
2.	Pusat Jagaan Kesihatan Swasta	Perakuan Kelulusan untuk Menubuh/ Menyenggara Kemudahan / Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta lain	Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH).
3.	Pusat Jagaan Kesihatan Swasta	Lesen Untuk Mengendalikan / Menyediakan Kemudahan / Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta lain	Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH).

4.	Klinik Optometris	Pendaftaran Penuh Optometris	Majlis Optik Malaysia (MOM), Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH).
5.	Klinik	Sijil Amalan Tahunan	Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH).
6.	Farmasi	Sijil Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan	Lembaga Farmasi Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH).
7.	Kedai Cermin Mata / Optometri	Perakuan Kelayakan Optometri	Majlis Optik Malaysia (MOM), Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH).
8.	Klinik Pergigian	Perakuan Pendaftaran Pengamal Pergigian	Majlis Pergigian Malaysia (MDC), Majlis Optik Malaysia (MOM)

## 6) Perkhidmatan – Penggudangan Dan Penyimpanan

Bil	Aktiviti Perniagaan	Dokumen Tambahan	Pihak Berkuasa Melesen
1.	Memborong Barang Kawalan Berjadual	Lesen Borong Bagi Barang Kawalan Berjadual Di Bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (CSA)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
2.	Menyimpan Barangan Berasaskan Petroleum	Kebenaran Di Bawah Development Act 1974 (PDA 1,2,3 dan 4)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
3.	Menyimpan Kelapa Sawit / Produk Berasaskan Kelapa Sawit	Lesen Kategori Utama (i) Membina Kilang (ii) Pekebun Kecil (iii) Estet (iv) Lain-lain	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

			(MPIC)
4.	Menyimpan Barang-Barang Luluh	Lesen menjual barang-barang Luluh	Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN)
5.	Menyimpan / Memproses Getah	Lesen Perdagangan / Memproses Getah	Lembaga Getah Malaysia (LGM), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
6.	Menyimpan Hidupan Liar Yang Dilindungi	Lesen Menyimpan Hidupan Liar Yang Dilindungi	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
7.	Gudang / Licensed manufacturing Warehouse (LMW)	Lesen Penggudangan	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Kewangan (MOF)
8.	Menyimpan Magazin Bahan letupan	Lesen Magazin Bahan letupan	Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

### 7) Perkhidmatan – Aktiviti Kewangan Dan Insuran / Takaful

Bil	Aktiviti Perniagaan	Dokumen Tambahan	Pihak Berkuasa Melesen
1.	Pengurup Wang Berlesen	Lesen Pengurup Wang	Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Kewangan (MOF)
2.	Broker Wang	Lesen Pembrokeran Wang	Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Kewangan (MOF)



3.	Perniagaan Perkhidmatan Wang	Lesen Perniagaan Perkhidmatan Wang	Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Kewangan (MOF)
4.	Ejen Insurans / Takaful	Lesen Insurans	Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Kewangan (MOF)

### 8) Perkhidmatan – Pemborong / Pembekal / Pendedar

Bil	Aktiviti Perniagaan	Dokumen Tambahan	Pihak Berkuasa Melesen
1.	Memborong / Membekal / Mengedar Barang Kawalan Berjadual	Lesen Borong Bagi Barang Kawalan Berjadual Di Bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (CSA)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
2.	Mengimport Peralatan Gas	Kelulusan Mengilang, Memasang Atau Mengimport Peralatan Gas	Suruhanjaya Tenaga (st), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA)
3.	Memborong/ Membekal / Mengedar Kelapa Sawit / Produk Berasaskan Kelapa Sawit	Lesen Kategori Utama (i) Membina Kilang (ii) Pekebun Kecil (iii) Estet (iv) Lain-lain	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
4.	Memborong/ Membekal / Mengedar Produk Berasaskan tembakau	Lesen Mengedar Tembakau dan Keluaran Tembakau	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
5.	Memborong Getah	Lesen Perdagangan / Memproses Getah	Lembaga Getah Malaysia (LGM), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)

6.	Memborong / Membekal / Mengedar Produk Keluaran Farmaseutikal	Lesen Pemborong Keluaran Berdaftar (Farmaseutikal)	Biro Farmaseutikal (BPFK), Kementerian Kesihatan (MOH)	Pengawasan Kebangsaan Kementerian Kesihatan (MOH)
7.	Memborong / Membekal/ Mengedar Keluaran Berdaftar (Farmaseutikal)	Lesen Mengimport Keluaran Berdaftar (Farmaseutikal)	Biro Farmaseutikal (BPFK), Kementerian Kesihatan (MOH)	Pengawasan Kebangsaan Kementerian Kesihatan (MOH)
8.	Memborong / Membekal/ Mengedar dan Minuman Keras	Lesen Mengimport Rokok dan Minuman Keras	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Kewangan (MOF).	
9.	Mengedar Filem	Lesen Perfileman Malaysia	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.	
10.	Memborong Beras	Lesen Borong Beras	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA).	


### 9) Aktiviti Perkhidmatan Lain

Bil	Aktiviti Perniagaan	Dokumen Tambahan	Pihak Berkuasa Melesen
1.	Menjual / Memproses Petroleum / Produk Berasaskan Petroleum	Kebenaran Di Bawah Petroleum Development Act 1974 (PDA 1,2,3 dan 4)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
2.	M dibaiki Alat-Alat Timbang & Sukat	Lesen Membuat / M dibaiki / Menjual Alat-Alat Timbang & Sukat Di Bawah Akta Timbang & Sukat 1972	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

3.	Stesen Minyak	Lesen Control Supply Act (CSA)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
4.	Memproses Koko / Produk Berasaskan Koko	Lesen Pengisar	Lembaga Koko Malaysia (LKM), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
5.	Memproses Getah	Lesen Perdagangan / Memproses Getah	Lembaga Getah Malaysia (LGM), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
<b>Bil</b>	<b>Aktiviti Perniagaan</b>	<b>Dokumen Tambahan</b>	<b>Pihak Berkuasa Melesen</b>
6.	Nurseri	Lesen Tapak Semaian Getah (Nurseri)	Lembaga Getah Malaysia (LGM), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
7.	Percetakan (kecuali inkjet printing)	Lesen Mesin Cetak	Kementerian Dalam Negeri (KDN)
8.	Premis Makanan / Restoran / Kedai Makan	Sijil Perakuan Pendaftaran Premis Makanan	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan (MOH)
9.	Pemberi Pinjam Wang	Lesen Pemberi Pinjam Wang	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan, dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
10.	Pajak Gadai	Lesen Pemegang Pajak Gadai	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan, dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
11.	Agan Penghantaran	Surat Kebenaran Agan	Jabatan Kastam Diraja

		Penghantaran	Malaysia (JKDM), Kementerian Kewangan (MOF)
12.	Perkhidmatan Kurier	Lesen Perkhidmatan Kurier	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)
13.	Rumah Sembelih Swasta	Lesen Rumah Sembelih Swasta	Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA).
14.	Produksi Filem	Pendaftaran Syarikat Filem	Kementerian Dalam Negeri (KDN)
15.	Pengendali Lori	Lesen Pengendali Lori	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Perdana Menteri
16.	Pengendali Bas	Lesen Pengendali Bas	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Perdana Menteri
17.	Perusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Awam	Lesen Perusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Awam	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Pembersihan Awam (JPSN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
18.	Perusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan Bagi Sisa Pepejal Isi Rumah, Sisa Pepejal Awam, Sisa Pepejal Keinstitutional Awam dan Sisa Pepejal	Lesen Perusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan Bagi Sisa Pepejal Isi Rumah, Sisa Pepejal Awam, Sisa Pepejal Keinstitutional Awam dan Sisa Pepejal Yang Serupa	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)


	Yang Serupa		
19.	Perkhidmatan Pengangkutan Long Haulage dengan	Lesen Perkhidmatan Pengangkutan Long Haulage dengan	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
20.	Kedai Nombor Ramalan / TOTO	Lesen Judi	Kementerian Kewangan



## 9. KAEDAH PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN & IKLAN


Muat turun borang dengan cara mengisi dan mengemukakan permohonan melalui Sistem e-Lesen ([elesen.mpkemaman.gov.my](http://elesen.mpkemaman.gov.my)) bersama dokumen lampiran yang diperlukan dengan memuatnaik ke dalam sistem yang sama.

Mengisi dan mengemukakan permohonan melalui Sistem e-Lesen ([elesen.mpkemaman.gov.my](http://elesen.mpkemaman.gov.my)) bersama dokumen lampiran yang diperlukan dengan memuatnaik ke dalam sistem yang sama.




No.Tel: 09-8597700/ 7777  
Faks: 09-8595455  
E-mel : [mpk@kemaman.gov.my](mailto:mpk@kemaman.gov.my)  
Web : [www.mpk.terengganu.gov.my](http://www.mpk.terengganu.gov.my)

## 10. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN BERISIKO



# 11. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN TIDAK BERISIKO





## 12. SYARAT PEMATUHAN SELEPAS KELULUSAN

### 1. LESEN

- a) Lesen yang dikeluarkan oleh pihak MPK hendaklah dipamerkan ditempat yang mudah dilihat pada setiap masa (Seksyen 107 (5) Akta 171).
- b) Lesen hendaklah dipamerkan di dalam plet yang disediakan oleh MPK supaya berkeadaan sempurna.
- c) Syarat-syarat lesen yang dikeluarkan hendaklah disempurnakan dalam tempoh empat belas hari (14) hari dari tarikh penerima surat serta mematuhi pada bila-bila masa sepanjang tahun (Seksyen 107 (2) Akta 171).
- d) Bayaran lesen hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan tiap-tiap tahun.
- e) Lesen yang dikeluarkan akan tamat tempohnya pada 31 Disember tiap-tiap tahun.
- f) Adalah diingatkan juga MPK boleh membatalkan sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab. Selain daripada itu, syarat-syarat tambahan akan diedarkan dari semasa ke semasa.
- g) Sekiranya pelesen ingin menamatkan aktiviti perniagaan, papan iklan permis telah diturunkan bolehlah mengemukakan resit wang amanah ke Jabatan Pelesenan MPK untuk tuntutan wang amanah bagi premis yang mempunyai papan iklan sahaja.

### 2. KEMUDAHAN ASAS

- a) Kemudahan sanitasi seperti tandas, tempat basuh tangan dan sebagainya hendaklah disediakan serta dijaga dalam keadaan bersih dan sempurna pada setiap masa.
- b) Menyediakan tong sampah yang mencukupi serta menggunakan karung plastik dan berpenutup bagi pembuangan sampah perniagaan.
- c) Pelesen dilarang menggunakan polisterin, plastik sekali guna dan straw di premis dan dalam urusan jual-beli di premis.

### 3. KESELAMATAN DAN ALAT KECEMASAN

- a) Sekurang-kurangnya sebuah peti ubat yang lengkap hendaklah disediakan.
- b) Menyediakan alat pemadam api yang mencukupi serta diakui sah oleh Jabatan Bomba.

### 13. SYARAT-SYARAT LESEN TRED,PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (LESEN PREMISPERNIAGAAN)

#### 1. LANTAI

Seluruh lantai kedai, kaki lima, bilik mandi dan tandas hendaklah dilepa dengan simen.

#### 2. DINDING

Dinding hendaklah dicat dengan warna cerah.

#### 3. SILING

Siling premis hendaklah diperbuat dengan rekabentuk dan bahan-bahan yang mudah untuk kerja-kerja pembersihan, siling hendaklah dicat putih.

#### 4. PENCAHAYAAN DAN PENGUDARAAN

- a) Pencahayaan dan pengudaraan semulajadi yang mencukupi hendaklah disediakan di seluruh bahagian melalui satu atau lebih tingkap yang mempunyai keluasan tidak kurang daripada 10% daripada keluasan lega lantai.
- b) Menyediakan ruang terbuka dan sistem pengaliran udara yang sempurna tidak kurang daripada 5% daripada keluasan lega lantai.

#### 5. SISTEM PERLIMBAHAN

- a) Longkang hendaklah sentiasa dicuci dan bebas daripada sebarang kotoran.
- b) Menyediakan perangkap minyak bagi premis yang terlibat dengan penggunaan minyak pelincir dan seumpamanya sebelum dialirkan ke longkang atau sistem perlimbahan.



## **6. KEMUDAHAN TANDAS**

- a) Lantai tandas hendaklah di mozek dan dindingnya hendaklah dipasang jubin.
- b) Tandas hendaklah dibaiki jika ianya rosak.
- c) Tandas hendaklah dalam keadaan bersih dan jauh daripada sebarang bau busuk dan kotoran.
- d) Menyediakan sabun, tisu dan tong sampah.

## **7. KESESAKAN**

Ruang lantai yang mencukupi hendaklah disediakan bagi pelesen untuk mengelakkan dari sebarang kesesakan.

## **8. PENYUSUNAN DAN PENJAGAAN**

- a) Pengurus premis hendaklah memastikan supaya keseluruhan bangunan berada dalam keadaan yang baik. Di mana bahagian bangunan yang rosak atau kotor, kerja-kerja membaiki dan pembersihan perlu dilakukan.
- b) Semua pekerja yang berumur 18 tahun ke bawah tidak dibenarkan bekerja di premis. Tetapi bagi pekerja yang berumur 16 tahun hingga 18 tahun, satu surat kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga hendaklah diperolehi dahulu sebelum ianya dibenarkan bekerja sebagai pelayan atau pencuci pinggan mangkuk sahaja.
- c) Sebarang masakan atau ruang makan yang melibatkan kaki lima adalahh dilarang kebenaran daripada pihak Majlis.

## **9. KEMUDAHAN BASUH TANGAN**

Sabun dan tuala yang bersih hendaklah disediakan di tempat basuh tangan.

## **10. BINATANG PEROSAK**

- a) Pelesen hendaklah mengambil langkah mencegah dan mengawal binatang-binatang perosak dan serangga seperti lalat, lipas dan sebagainya.

- b) Binatang-binatang ternakan seperti anjing, kucing, burung dan sebagainya tidak dibenarkan di dalam premis.

## **11. TANDA HARGA**

Satu senarai tanda harga mesti disediakan dan dipamerkan ditempat yang mudah dilihat pada setiap masa.

## **12. TINDAKAN**

- a) Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut di atas atau tidak menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh yang ditetapkan adalah menjadi satu kesalahan dan Majlis boleh mengambil tindakan kompaun, merampas atau tindakan mahkamah.
- b) Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Kemaman ini atau mana-mana arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana syarat yang dikenakan ke atas lesennya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM 2000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara keduanya sekali dan juga denda seterusnya yang tidak melebihi RM 2000.00 bagi tiap-tiap hari semasa kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.

### **13. SYARAT-SYARAT LESEN ESTABLISYMEN MAKANAN & PENGENDALIAN MAKANAN**

#### **1. BEKALAN MAKANAN**

- a) Hendaklah dalam keadaan segar.
- b) Pelesen-pelesen tidak dibenarkan memproses ayam/itik dan sebarang jenis binatang seperti menyembelih, membuang bulu, melapah dan sebagainya dalam premis.

#### **2. PERLINDUNGAN MAKANAN**

- a) Hendaklah disimpan dalam tempat yang selamat dari serangga tikus, lalat, lipas, serangga dan debu.
- b) Semua makanan telah dimasak yang dipamer untuk jualan mesti ditutup dengan pengalas/penutup yang bersih.
- c) Makanan-makanan yang sudah dimasak tidak dibenarkan disentuh dengan tangan. Sebarang pengendalian mestilah menggunakan alat perantaraan seperti garpu, senduk, penyepit atau sebagainya.
- d) Semua tempat-tempat penyimpanan atau penyediaan makanan hendaklah dijaga supaya sentiasa bersih dan diletakkan di tempat yang tinggi daripada paras lantai.
- e) Memastikan bekas meletak bahan perencah dilabel, tidak kemek, berpenutup dan berada dalam keadaan sempurna.
- f) Tidak menggunakan bahan makanan/bahan mentah yang telah tamat tempoh atau yang tidak boleh digunakan.

#### **3. PETI SEJUK**

- a) Semua botol-botol, tin-tin dan kotak-kotak minuman hendaklah disusun dengan kemas dan baik di dalam peti sejuk.
- b) Suhu peti sejuk hendaklah dijaga supaya ianya tidak melebihi 4 darjah celcius.
- c) Penyimpan dalam peti sejuk (*Refrigerator* atau *freezer*) hendaklah diutamakan keadaan penyimpanan bahan-bahan mentah mudah rosak atau busuk seperti udang, ikan, daging, dan susu serta sayur-sayuran.
- d) Susunan di dalam peti sejuk, mestilah tersusun, diasingkan mengikut jenis dan tidak terlalu penuh. Asingkan makanan mentah dengan makanan telah masak.

- e) Elakkan daripada berlakunya proses tampalan air batu (defrosting) dan hendaklah sentiasa dicuci untuk mengelakkan berbau dan kenaikan suhu yang tidak sekata/sesuai.

#### **4. PENGENDALI MAKANAN**

##### **4.1 Kebersihan Diri**

- a) Setiasa menjaga kebersihan diri iaitu sihat tubuh badan, berpakaian bersih, kemas dan memakai apron serta penutup kepala. Pemakaian singlet, seluar pendek dan baju tanpa lengan atau tanpa kolar adalah dilarang.
- b) Merokok semasa mengendalikan makanan adalah dilarang.
- c) Tabiat menjilat jari, menggaru kepala atau menggorek hidung tidak dibenarkan semasa menyediakan atau mengendalikan makanan.
- d) Pengendali hendaklah mendapatkan suntikan anti typhoid daripada klinik atau mana-mana pusat perubatan yang diiktiraf.
- e) Pengendali yang menghidap penyakit berjangkit dan luka atau bernanah pada jari atau anggota badan yang kelihatan tidak dibenarkan mengendalikan makanan.
- f) Kad pengendali makanan hendaklah sentiasa dipakai.
- g) Pengendali makanan hendaklah menghadiri Kursus Pengendalian Makanan yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### **5. PERALATAN MEMASAK**

##### **5.1 Keadaan Alat Memasak**

- a) Semua alat memasak hendaklah di dalam keadaan baik dan bersih. Peralatan yang sumbing, retak dan berkarat adalah dilarang penggunaannya.
- b) Penggunaan dapur arang adalah tidak dibenarkan kecuali terlebih dahulu mendapat kebenaran MPK.
- c) Penggunaan peralatan dan menyediakan makanan hendaklah daripada binaan besi tahan karat (*stainless steel*).

##### **5.2 Kebersihan Alat Memasak**


- a) Semua alat memasak hendaklah sentiasa dicuci selepas digunakan.
- b) Penggunaan papan pemotong hendaklah dikhususkan penggunaannya dan berada dalam keadaan memuaskan (tidak retak atau berlumut).

## 6. DEWAN MAKAN ATAU TEMPAT MAKAN

- a) Tempat ini hendaklah cukup luas untuk membenarkan setiap pelanggan duduk makan dan berjalan tanpa sebarang halangan.
- b) Tidak dibenarkan menyediakan ruang makan di atas tanah/pasir di kawasan lapang.

## 7. KEMUDAHAN SANITASI

- a) Bekalan air hendaklah dari paip SATU. Kegunaan air telaga tidak dibenarkan.
- b) Untuk memasak, bekalan air hendaklah dari paip air umum dan bukan yang disambung dari tangki yang terletak di bilik mandi atau tandas.
- c) Sambungan paip getah untuk aktiviti memasak adalah dilarang. Begitu juga dengan penggunaan baldi untuk mencuci pinggan mangkuk.



## 8. SISTEM PERLIMBAHAN

- a) Longkang hendaklah sentiasa dicuci dan bebas daripada sebarang kotoran.
- b) Sisa makanan hendaklah ditapis terlebih dahulu menggunakan kaedah perangkap minyak/lemak (*grease trap*) sebelum dialirkan ke longkang atau sistem perlimbahan.

## 9. KEMUDAHAN TANDAS

- a) Sebarang penyediaan memasak berhampiran tandas tidak dibenarkan.
- b) Lantai tandas hendaklah sentiasa di mozek dan dindingnya hendaklah dipasang jubin hingga ke siling.
- c) Tandas hendaklah dibaiki jika ianya rosak.
- d) Tandas hendaklah dalam keadaan bersih dan jauh daripada sebarang bau busuk dan kotoran.

## 10. KEMUDAHAN BASUH TANGAN

- a) Disediakan di ruang makan dan bersebelahan dengan tandas.

- b) Sabun dan tuala yang bersih hendaklah disediakan di tempat basuh tangan.

#### **11. BINATANG PEROSAK**


- a) Pelesen hendaklah mengambil langkah mencegah dan mengawal binatang-binatang perosak dan serangga seperti lalat, lipas dan sebagainya.
- b) Binatang-binatang ternakan seperti anjing, kucing, burung dan sebagainya tidak dibenarkan di dalam premis.

#### **12. TANDA HARGA**

Satu senarai tanda harga makanan dan minuman mesti disediakan dan dipamerkan ditempat yang mudah dilihat pada setiap masa.

#### **13. LANTAI**

- a) Seluruh lantai kedai termasuk dewan makan, dapur, kaki lima, bilik mandi dan tandas hendaklah diperbuat dari batu mozek.
- b) "Carpet" atau jenis "vynil" hanya dibenarkan di dewan makan yang mempunyai penyaman udara.



#### **14. DINDING**

Dinding dewan makan, dapur, bilik mandi atau tandas hendaklah digenting gerlis dengan warna cerah setinggi 1.5m (5kaki).

#### **15. SILING**

Siling premis hendaklah diperbuat dengan rekabentuk dan bahan-bahan yang mudah untuk kerja-kerja pembersihan, siling hendaklah dicat putih.

#### **16. KESESAKAN**

Ruang lantai yang mencukupi hendaklah disediakan bagi pelesen dan pengendali makanan untuk mengelakkan dari sebarang kesesakan.

#### **17. PENYUSUNAN DAN PENJAGAAN**

- a) Pengurus premis hendaklah memastikan supaya keseluruhan bangunan berada dalam keadaan baik. Di mana bahagian bangunan yang rosak atau kotor, kerja-kerja membaiki dan pembersihan perlu dilakukan.
- b) Semua pekerja yang berumur 18 tahun ke bawah tidak dibenarkan bekerja di premis. Tetapi bagi pekerja yang berumur 16 tahun hingga 18 tahun, satu surat




kebenaran daripada daripada ibu bapa atau penjaga hendaklah diperolehi dahulu sebelum ianya dibenarkan bekerja sebagai pelayan atau pencuci pinggan mangkuk sahaja.

- c) Sebarang masakan atau ruang makan yang melibatkan kaki lima adalah dilarang tanpa kebenaran daripada pihak Majlis.

## 18. TINDAKAN

- a) Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut di atas atau tidak menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh yang ditetapkan adalah menjadi satu kesalahan dan Majlis boleh mengambil tindakan kompaun, merampas atau tindakan mahkamah.
- b) Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Kemaman ini atau mana-mana arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana syarat yang dikenakan ke atas lesennya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM 2000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara kedua-duanya sekali dan juga denda seterusnya yang tidak melebihi RM 2000.00 bagi tiap-tiap hari semasa kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.



**14. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN/ PERINDUSTRIAN/ BENGKEL/KEJURUTERAAN**

1. Memastikan sistem perparitan dan saliran berfungsi dengan sempurna.
2. Menguruskan sisa buangan/sisa pepejal/sampah domestik secara berjadual dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.
3. Dilarang meletak sebarang benda di laluan awam kecuali mendapat kelulusan MPK.
4. Dilarang menghalang jalan-jalan sisi/lorong belakang dan tepi jalan.
5. Dilarang menghalang pintu masuk/pintu keluar, membuat apa-apa sambungan binaan di luar premis asal/menutup binaan yang menutup longkang kecuali dengan kelulusan MPK.
6. Sekiranya terdapat ubahsuai yang melibatkan sekatan dinding, sengkup (awning, tanjakan (ramp) dan pecahan dinding hendaklah mendapat kelulusan MPK.
7. Dilarang membuat ubahsuai premis tanpa kelulusan MPK.
8. Hanya menjalankan aktiviti perniagaan yang dilesenkan sahaja. Perlu membuat permohonan pindaan jika terdapat tambahan berkaitan.
9. Tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap pemegang lesen yang melanggar peraturan yang ditetapkan.

**15. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI HIBURAN – KELAB MALAM/ PUB/ DISKO/ PUSAT ISTIREHAT/ PUSAT HIBURAN KELUARGA/KARAOKE/ SNOOKER DAN LAIN-LAIN**

**A. SYARAT-SYARAT AKTIVITI HIBURAN**


1. Tiap-tiap tempat yang berlesen mestilah berkeadaan bersih dan teratur.
2. Tidak dibenarkan bermain sebarang permainan atau hiburan yang lain daripada apa yang ditetapkan dalam lesen.
3. Tidak boleh membenarkan orang-orang yang berkelakuan tidak baik atau perempuan-perempuan pelacur berada di dalam tempat-tempat yang berlesen.
4. Tidak boleh dibenarkan bilangan orang yang lebih daripada yang ditetapkan dalam lesen masuk ke dalam tempat yang berlesen dan pemegang lesen tidak boleh membenarkan sebarang kelakuan yang tidak siuman berlaku di tempat itu.
5. Tidak boleh dibenarkan sebarang permainan pertaruhan, loteri atau judi seperti yang ditakrifkan dalam Undang-Undang Pertaruhan dan Undang-Undang Rumah Judi Am dimainkan dalam mana-mana tempat yang berlesen.
6. Apabila berlaku kematian atau sakit berat mana-mana orang di dalam mana-mana bangunan yang berlesen atau berlakunya sebarang kemalangan disebabkan mengguna mana-mana alat-alat perkakas di dalam bangunan itu atau menimbul kekacauan atau kehilangan harta benda dalam bangunan itu. Pemegang lesen bangunan itu hendaklah dengan serta merta membuat atau minta dibuat aduan berkenaan perkara itu kepada polis.
7. Tidak boleh dibuka tempat-tempat yang berlesen dengan tiada kebenaran Duli Yang Maha Mulia Sultan pada mana-mana yang tersebut di bawah ini:

i.	Malam Jumaat	Dari 6 petang hari Khamis hingga 2 petang hari Jumaat;
ii.	Hari Maulud Nabi	Dari 6 petang hari sebelumnya hingga 6 petang hari itu
iii.	Hari Mi'raj	Dari 6 petang hari sebelumnya hingga 6 petang hari itu
iv.	Hari Nisfu Syaaban	Dari 6 petang hari sebelumnya hingga 6 pagi hari itu
v.	Hari Raya Aidilfitri	Dari 6 petang hari sebelumnya hingga 6 pagi hari itu
vi.	Hari Raya Aidil Adha	Dari 6 petang hari sebelumnya hingga 9.30 malam hari itu
vii.	Hari Dalam Bulan Ramadhan	Dari 6 petang hingga 9.30 malam.
viii.	Awal Muharam (Maal Hijrah)	Dari 6 petang hari sebelumnya hingga 3 petang hari itu

8. Dewan tari menari tidak boleh dibuka sebelum pukul 8.30 malam atau terus dibuka selepas pukul 12 tengah malam melainkan dengan kebenaran khas yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Kemaman.
9. Minuman bir tidak boleh dijual atau disimpan di dalam mana-mana tempat yang berlesen, melainkan dalam tempat-tempat yang dilesenkan khasnya untuk mengadakan tari menari dengan kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Kemaman.

## **B. SYARAT-SYARAT LESEN MEMASANG MUZIK**


1. Tidak dibenarkan sama sekali aktiviti karaoke dipremis ini sekiranya tuan engkar atau gagal lesen tuan/puan akan dibatalkan.
2. Waktu perniagaan tidak dibenarkan melebihi pukul 12.00 malam.
3. Pintu cermin hadapan premis hendaklah menggunakan cermin yang cerah dan boleh dilihat dari luar dan dalam.
4. Keadaan dalam premis hendaklah jelas dan terang dengan memasang lampu kalimantang.
5. Aktiviti perniagaan yang dijalankan tidak menimbulkan sebarang kacau/ganggu kepada orang awam dan bercanggah dengan kelulusan yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.
6. Pencahayaan dan pengudaraan di dalam premis hendaklah dalam keadaan mencukupi dan memuaskan hati Yang Dipertua.
7. Premis hendaklah sentiasa dijaga dalam keadaan bersih dan memuaskan setiap masa;
8. Hendaklah mempamerkan notis (seperti lampiran) di pintu masuk premis.
9. Pelesen hendaklah sentiasa mematuhi syarat-syarat atau arahan lain yang ditetapkan dari masa ke semasa.



### C. SYARAT-SYARAT LESEN PERNIAGAAN PUSAT SNOOKER

1. Dinding bangunan premis hendaklah dibina daripada cermin telus cahaya/terang
2. Masa beroperasi adalah daripada jam 10.00 pagi sehingga 12.00 malam.
3. LARANGAN


Pemilik hendaklah memastikan masa-masa yang tidak dibenarkan dibuka dipatuhi sepenuhnya dan tertakluk kepada peruntukkan yang terkandung dalam Enakmen Hiburan Negeri (Undang-Undang Panggung Wayang dan Tempat-Tempat Hiburan Awam 1963), Kaedah-Kaedah Panggung Wayang dan Tempat-Tempat Hiburan Awam 1987, iaitu premis aatau tempat-tempat yang berlesen tidak boleh dibuka dengan tiada kebenaran Duli Yang Maha Mulia Sultan pada masa-masa berikut :



Malam	- Daripada pukul 6.00 petang hari
Jumaat	- Khamis hingga pukul 3.00 petang Hari Jumaat.
Hari Maulud Nabi	- Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 petang itu.
Hari Mikraj	- Daripada pukul 6.00 petang petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu.
Hari Pertama Raya Puasa	- Daripada pukul 6.00 petang petang hari sebelumnya hingga pukul 2.00 petang hari itu.
Hari Pertama Raya Haji	- Daripada pukul 6.00 petang petang hari sebelumnya hingga pukul 2.00 petang hari itu.
Bulan Puasa Ramadan	- Daripada pukul 6.00 petang petang hingga 9.30 malam.
Awal Muharam (Maal Hijrah)	- Daripada pukul 6.00 petang petang hari sebelumnya hingga pukul 3.00 petang hari itu.

4. Pelanggan hendaklah berumur 18 tahun keatas, bagi remaja bawah umur, hendaklah dibawah pengawasan ibu bapa/penjaga.
5. Tiada sebarang rokok, minuman yang memabukkan atau seumpamanya dijual, disimpan, dihisap, dihidang atau dibawa masuk ke dalam premis.
6. Pengusaha atau pelesen hendaklah memastikan tiada dadah, pil-pil ectasy atau lain-lain pil merbahaya dan senjata merbahaya boleh dibawa masuk ke dalam premis.
7. Permainan berunsur perjudian (games of change) menawarkan hadiah atau wang dan lain-lain bentuk permainan yang boleh diiktiraf sebagai "judi" mengikut Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289) adalah tidak dibenarkan sama sekali.
8. Pelanggan hendaklah berpakaian sopan. Tidak dibenarkan memakai seluar pendek, baju T tanpa lengan dan memakai selipar.
9. Tiada gambar atau bahan lucah dibenarkan ditampal atau dipamerkan dimana-mana bahagian premis.
10. Apabila berlaku kematian atau sakit berat mana-mana orang didalam mana-mana bangunan yang berlesen atau berlakunya sebarang kemalangan disebabkan mengguna mana-mana alat-alat perkakas didalam bangunan itu menimbul kekacauan atau kehilangan harta benda dalam bangunan pengusaha/pelesen hendaklah serta merta membuat laporan polis.
11. Pengusaha/pelesen hendaklah menyediakan pengawal keselamatan di pintu masuk premis.
12. Menyediakan buku daftar pelanggan dan dikemaskini pada setiap masa.
13. Premis ini hendaklah disediakan denga lampu kalimantan yang mencukupi dan tidak menimbulkan suasana malap.
14. Pengusaha/pelesen hendaklah menyediakan sistem pengudaraan secara mekanikal yang mencukupi dan tidak menimbulkan suasana panas di dalam premis.
15. Kebersihan Premis
  - a) Premis hendaklah berada dalam keadaan yang bersih, teratur dan tidak menimbulkan kesesakan.

- b) Kebersihan hendaklah dititikberatkan daripada segi kebersihan dinding, sling bebas daripada sawang, lantai tidak berkulat, berlumut dan retak dan kebersihan luar dan dalam premis.
  - c) Pihak pengusah/pelesen hendaklah menyediakan tong sampah yang mencukupi didalam dan diluar premis.
  - d) Pelesen dilarang menggunakan polisterin, plastik sekali guna dan straw dalam urusan jual-beli di premis.
16. Pengusaha/pelesen hendaklah menampal notis (seperti lampiran 1&2) dipintu masuk premis.
17. Pihak pengusaha/pelesen hendaklah mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dan peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.
18. Majlis berhak pada bila-bila masa untuk membuat pemeriksaan pemantauan ke atas aktiviti yang dijalankan di premis berkenaan dan juga berhak untuk membatalkan lesen/kelulusan yang dikeluarkan dan tindakan boleh diambil dibawah Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002.



16. **SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN PUSAT SIBER & KAFE SIBER**

**1. LOKASI**

- a) Pusat siber dan kafe siber hanya dibenarkan beroperasi di tingkat bawah bangunan, keadaan premis perlulah terbuka dengan system pencahayaan yang terang dan penggunaan cermin gelap adalah dilarang.
- b) Kedudukan komputer bagi tujuan melayari internet hendaklah berasingan daripada aktiviti sampingan yang lain dan ia hendaklah tidak berbilik dan tidak berpintu.
- c) Pusat siber dan kafe siber tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan-kawasan sensitif seperti masjid dan lain-lain kawasan yang tidak wajar oleh Pegawai Pelesen.

**2. MASA BEROPERASI**

- a) Masa operasi bagi pusat siber dan kafe siber adalah dihadkan kepada pukul 12.00 tengah malam sahaja.
- b) Bagi pengunjung dibawah umur 15 tahun, mereka hanya dibenarkan mengunjungi pusat siber dan kafe siber sehingga pukul 10.00 malam sahaja.

**3. AKTIVITI YANG DIBENARKAN**


- a) Aktiviti utama atau core business pusat siber dan kafe siber adalah dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja. Kegiatan-Kegiatan lain adalah tidak dibenarkan sama sekali khususnya berbentuk hiburan berikut :-
  - i. Permainan video
  - ii. Perjudian
  - iii. Gambar-gambar lucu
  - iv. Muzik (pipe music) dan



- v. Penjualan bahan-bahan bercetak khususnya yang mengandungi unsur-unsur negatif.
- b) Pengusaha pusat siber dan kafe siber juga hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aktiviti kurang sihat berlaku di pusat siber dan kafe siber. Tindakan segera hendaklah diambil sekiranya berlaku aktiviti kurang sihat tersebut yang melibatkan pelanggan mereka.

#### **4. PENGURUSAN**

- a) Pengurusan pusat siber dan kafe siber hendaklah secara professional oleh pengurus yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini.
- b) Pekerja syarikat asing adalah tidak dibenarkan bekerja di pusat siber dan kafe siber.
- c) Pengusaha/pelesen pusat siber dan kafe siber hendaklah mempunyai pekerja yang mencukupi setiap masa bagi mengawasi setiap aktiviti di pusat siber dan kafe siber tersebut.



#### **5. HAD UMUR PENGUNJUNG**

- a) Pengunjung di bawah umur 15 tahun bolehh mengunjungi pusat siber dan kafe siber dengan ditemanii oleh ibu bapa ataupun penjaga.
- b) Pelajar yang berpakaian seragam sekolah adalah dilarang memasuki pusat siber dan kafe siber.

#### **6. PENJUALAN MINUMAN KERAS DAN ROKOK**

- a) Penjualan minuman keras dan rokok adalah dilarang sama sekali di pusat siber di puat siber dan kafe siber.
- b) Pelanggan juga adalah dilarang untuk membawa masuk sebarang minuman keras dan juga rokok daripada luar.
- c) Pelesen dilarang menggunakan polisterin, plastik sekali guna dan straw di premis.

## **7. BUTIRAN PELANGGAN**

- a) Pengusaha/pelesen hendaklah menyediakan buku rekod kemasukan pelanggan bagi disemak oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa.

## **8. KEBERSIHAN PREMIS**

- a) Pengusaha/pelesen pusat siber dan kafe siber juga hendaklah mengambil perhatian keatas aspek-aspek kebersihan dengan menyediakan kemudahan tong sampah dan tandas awam yang mencukupi.
- b) Premis hendaklah menepati syarat-syarat penggunaan dan kelulusan bangunan yang telah ditetapkan dan sebarang pengubahsuaian ke atas bangunan hendaklah mendapat kelulusan daripada PBT terlebih dahulu.

## **9. NOTIS**

Pengusaha hendaklah menampal notis (seperti lampiran 1) di pintu masuk premis.


## **10. TINDAKAN**

- a) Pihak pengusaha/pelesen hendaklahh mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.
- b) Majlis berhak pada bila-bila masa untuk membuat pemeriksaan pemantauan ke atas aktiviti yang dijalankan di premis berkenaan dan juga berhak untuk membatalkan lesen/kelulusan yang dikeluarkan.

## 17. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN LESEN TADIKATASKA

1. Pelesen hendaklah memastikan bangunan yang digunakan mendapat kelulusan / CF daripada MPK.
2. Keluasan premis hendaklah mencukupi mengikut jumlah (bilangan) kanak-kanak. Standard yang diterima pakai ialah 3.5 mps (5' X 6') bagi seorang kanak-kanak (Tadika) untuk keselesaan pergerakan kanak-kanak tersebut.
3. Setiap premis hendaklah mempunyai sumber cahaya yang mencukupi samada semulajadi atau elektrik bagi menerangi ruang yang ada.
4. Sistem ganti udara atau ruang-ruang pembukaan yang digunakan membolehkan udara bertukar ganti dengan sempurna.
5. Pengusaha hendaklah mengadakan sekurang-kurang (1) satu tandas bagi setiap 10 orang kanak-kanak (bagi Tadika). Bagi Taska tidak tertakluk kepada item ini.
6. Bekalan air hendaklah daripada sumber-sumber yang diluluskan seperti paip **SATU** secara terus terutama bagi penyediaan makanan/minuman.
7. Tempat penyediaan makanan/minuman bagi luas lantai untuk pekerja diruang ini hendaklah tidak kurang 3 mps (6'X6') dan tinggi dari lantai ke siling tidak kurang 3 m (6').
8. Meja tempat penyediaan makanan dialas kepingan aluminium dan kemudahan sinki, sabun, tuala dan berus hendaklah disediakan.
9. Simpan bahan makanan tidak mudah rosak di dalam stor di atas rak atau almari bagi mengelak dicemari oleh tikus/serangga. Bahan makanan mudah rosak hendaklah disimpan dalam peti sejuk.
10. Bagi pembuangan air limbah hendaklah mempunyai saluran yang baik ke longkang awam atau septik tank.
11. Bilangan tong sampah dan beg plastik yang mencukupi hendaklah disediakan sebelum dilupuskan ke dalam tong sampah awam atau dipungut oleh MPK.
12. Bagi kawalan keselamatan pengusaha hendaklah menyediakan laluan keluar (kecemasan) dan alat pemadam api mengikut ulasan Jabatan Bomba.
13. Pengusaha hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya 1 unit peti kecemasan yang lengkap dengan ubatan.
14. Peralatan, perkakas, kerusi, meja dan alat permainan hendaklah disusun dengan sempurna.
15. Pekerja/ pengasuh hendaklah mendapatkan pemeriksaan kesihatan TY2 dan mengamalkan tabiat yang baik semasa penyediaan makanan/minuman.

16. Pengusaha hendaklah menyediakan kemudahan rekreasi/rehat seperti peralatan permainan dan keceriaan kawasan sekitar.
17. Tidak menggunakan polisterin, plastik sekali guna dan straw dalam urusan di premis (tadika).
18. Tindakan undang-undang akan diambil jika tidak mematuhi syarat-syarat di atas.



## 19. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN PASAR AWAM

1. Pelesen yang tidak hadir di premis hendaklah melantik seorang pembantu secara bertulis dan memaklumkan ke Majlis.
2. Buah-buahan atau sayur-sayuran segar tidak boleh dipamerkan untuk jualan di kaunter atau bangku yang sama dengan daging, hasil, laut atau ayam.
3. Dalam mana-mana pasar awam atau pasar persendirian, penjualan sayur hendaklah di atas meja atau bangku yang ketinggiannya tidak kurang daripada 180 cm.
4. Perkakas yang tidak berkaitan dengan aktiviti penjualan hendaklah dilupuskan dan dikosongkan dari premis.
5. Membungkus segala bahan jualan/makanan untuk pelanggan dengan kertas atau bahan lain yang bersih dan sesuai (dilarang menggunakan kertas surat khabar).
6. Tidak menggunakan polisterin, plastik sekali guna dan straw dalam urusan jual-beli.
7. Pengurus premis hendaklah memastikan supaya keseluruhan bangunan berada dalam keadaan yang baik. Di mana bahagian bangunan yang rosak atau kotor, kerja-kerja membaiki dan pembersihan perlu dilakukan.
8. Tiap-tiap pemilik premis hendaklah menjaga lorong, ruang hadapan, belakang dan tepi gerai atau petaknya dan persekitarannya berada dalam keadaan bersih.
9. Sampah sarap hendaklah dilupuskan ke dalam tong sampah Majlis selepas waktu berniaga.
10. Pelesen tidak dibenarkan meletakkan atau mempamer barang-barang perniagaan di atas tangga, lorong, laluan awam atau kaki lima pasar.
11. Pelesen tidak dibenarkan meletak atau pameran barang-barang yang berkaitan dengan perniagaan melebihi had gerai yang dibenarkan.
12. Pelesen tidak dibenarkan membuat binaan tambahan pada gerai tanpa persetujuan bertulis dari pihak Majlis.
13. Tidak boleh membawa masuk kenderaan ke dalam mana-mana pasar untuk mengangkut barangan yang dijual kecuali ada kebenaran dari pihak Majlis.
14. Pelesen tidak boleh menjadikan gerai tempat tidur atau menginap.

15. Pelesen hendaklah menjual barang-barang yang dilesenkan sahaja.
16. Satu senarai tanda harga makanan dan minuman mesti disediakan dan dipamerkan ditempat yang mudah dilihat pada setiap masa.


## TINDAKAN

1. Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut di atas atau tidak menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh yang ditetapkan adalah menjadi satu kesalahan dan Majlis boleh mengambil tindakan kompaun, merampas atau tindakan mahkamah.
2. Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Kemaman ini atau mana-mana arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana syarat yang dikenakan ke atas lesennya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan **denda tidak lebih daripada RM 2000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara kedua-duanya sekali dan juga denda seterusnya yang tidak melebihi RM 2000.00 bagi tiap-tiap hari semasa kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.**

**19. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN SEMENTARA MELIBATKAN PENYEDIAAN/ PENGENDALIAN MAKANAN DAN MINUMAN (BAZAR RAMADHAN)**

1. Pelesen hanya dibenarkan membuat penyediaan dan menjual kuih dan lain-lain bermula pada jam 3.00 petang hingga 7.00 petang sahaja.
2. Pelesen hendaklah berniaga di lot yang telah diluluskan sepanjang bulan Ramadhan. Sekiranya tiada aktiviti perniagaan di lot pelesen bermula minggu pertama permit akan ditarik balik.
3. Pelesen dan pengendali hendaklah :
  - a) Berpakaian kemas dan berkasut.
  - b) Memakai apron dan topi/tudung kepala semasa bekerja atau mengendalikan makanan/minuman.
  - c) Mencuci tangan sebelum mengendalikan bahan mentah/makanan dengan menggunakan air bersih, bersabun dan tuala yang bersih.
  - d) Menggunakan sudu, garpu, senduk, penyepit atau alatan sesuai bagi mengambil makanan. Persentuhan secara langsung terhadap makanan adalah dilarang.
  - e) Menjalani pemeriksaan kesihatan dan suntikan vaksinasi Anti-Thypoid.
  - f) Memakai kad suntikan pada pakaian semasa menjalankan perniagaan.
4. Semua bahan-bahan jualan seperti kuih, lauk dan seumpamanya mestilah di dalam bekas yang bertudung.
5. Meja jualan hendaklah dialas dengan menggunakan plastik yang bersih dan sempurna.
6. Dilarang meletak/membasuh/mencuci peralatan dan bahan-bahan makanan/jualan di tepi longkang, di atas lantai kawasan jualan yang boleh menyebabkan takungan air.
7. Pelesen dilarang membuang sampah atau sisa makanan ke dalam longkang.
8. Pelesen hendaklah menyediakan tong sampah sendiri.
9. Sampah / sisa dari perniagaan hendaklah dimasukkan ke dalam plastik dan diikat sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah awam.
10. Pelesen hendaklah mempamer tanda harga pada setiap makanan dan minuman yang dijual.
11. Pelesen hendaklah memastikan meja, peralatan serta kawasan jualan sentiasa dalam keadaan bersih daripada sisa makanan atau sampah sarap semasa atau selepas menjalankan perniagaan.

12. Pelesen tidak dibenarkan menambah keluasan meja jualan/gerai/kanvas melebihi had yang ditetapkan.
13. Dilarang memindah milik gerai jualan tanpa kelulusan Majlis Perbandaran Kemaman.
14. Pelesen dibenarkan menjual satu jenis kategori sahaja sebagaimana yang diluluskan.
15. Kenderaan peniaga tidak dibenarkan diletak di kawasan jualan.
16. Pelesen hendaklah bertanggungjawab membayar ganti rugi kepada Majlis jika berlaku kerosakan pada kanopi/bangsai/gerai yang disewa/diduduki oleh pelesenan berkenaan.
17. Semua peralatan dan perkakas seperti meja dan lain-lain hendaklah dikosongkan selepas tamat tempoh permit/lesen.
18. Mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang diarahkan dari semasa ke semasa.
19. Lain-lain syarat akan dimaklumkan kepada pelesen dari semasa ke semasa.
20. Pelesen akan dikenakan denda/kompaun dan wang amanah akan dibatalkan atau permit akan ditarik balik sekiranya gagal mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di atas.





## 20. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PENGANJURAN EKSPLO/ KARNIVAL/ PROMOSI

1. Gerai jualan tidak melebihi bilangan yang ditetapkan atau sebagaimana pemahamandan hendaklah didirikan di atas tapak yang ditetapkan oleh Majlis.
2. Aktiviti pesta jualan, permainan kanak-kanak dan pertunjukan/ persembahan tidak melebihi tempoh yang diluluskan. Permohonan untuk melanjutkan tempoh mestilah dengan kelulusan Majlis terlebih dahulu.
3. Pihak penganjur hendaklah memastikan jalan/lorong masuk dan keluar di tapak pesta tidak menimbulkan sebarang halangan dan kacau/ganggu kepada orang awam serta tidak mengganggu aktiviti perniagaan/pasar malam sediaada.
4. Waktu yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan tyidak melebihi jam 12.00 malam.
5. Semua aktiviti perniagaan hendaklah dihentikan 20 minit bagi menghormati waktu maghrib/mendirikan solat (iaitu10 minitsebelum/10 minit selepas waktu solat).
6. Bagi persembahan karaoke, pakaian penyanyi perempuan/lelaki hendaklah tidak menjolok mata.
7. Aktiviti permainan dan pertunjukan hiburan atau persembahan tidak dibenarkan dibuka pada malam Jumaat iaitu mulai jam 6.00 petang hari Khamis hingga 3.00 petang hari Jumaat serta mematuhi syarat-syarat di bawah Undang-Undang Panggung Wayang dan Tempat Penghiburan Am 1963.
8. Aktiviti permainan tiada unsur-unsur perjudian.
9. Jenis-jenis permainan yang dibenarkan ialah keretapi berlandasan, keretapi langgar dan buaian (merry-go-round).
10. Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab diatas segala kerosakan harta benda atau tuntutan ganti rugi oleh mana-mana pihak jika berlaku sebarang kemalangan atau kecederaan akibat daripada aktiviti yang dijalankan dalam tempoh kelulusan lesen. Bagi aktiviti permainan kanak-kana, **salinan Polisi Insuran Tanggungan Awam dan perlindungan kemalangan** hendaklah diserahkan kepada Majlis sebelum aktiviti dijalankan.
11. Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menguruskan dan memastikan peniaga-peniaga membersihkan sampah sarap di kawasan gerai jualan. Segala sampah sarap mestilah dimasukkan ke dalam beg plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah Majlis atau pusat-pusat pengumpulan sampah yang disediakan.

12. Hendaklah mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
13. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman boleh membatalkan kelulusan lesen/ permit ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis dan apa-apa sebab.


**21. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN AKTIVITI PENGGUNAAN RUANG KAKILIMA PREMIS PERNIAGAAN**

1. Penggunaan ruang kaki lima hendaklah sepertimana yang diluluskan SAHAJA.
2. Peralatan yang diletakkan di kaki lima hendaklah bersifat mudah alih. Tidak dibenarkan meletakkan sebarang peralatan yang kekal.
3. Aktiviti di kawasan tersebut hendaklah tidak mengganggu lalulintas.
4. Pelesen hendaklah memastikan kawasan tapak aktiviti sentiasa berada dalam keadaan bersih.
5. Tempoh penggunaan kaki lima adalah sepertimana yang ditetapkan dan diuruskan oleh Majlis Perbandaran Kemaman. Penggunaan ruang melebihi tempoh yang dibenarkan adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan/perundangan.
6. Pihak Majlis berhak membatalkan kelulusan penggunaan ruang kaki lima tanpa memberi apa-apa sebab.

## **22. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN RUMAH TUMPANGAN / HOTEL**

1. Satu buku daftar mengandungi butir-butir lengkap dan betul mengenai pelanggan seperti nama, no. kad pengenalan, umur, jantina, pekerjaan, alamat, tarikh sampai dan tarikh keluar hendaklah disediakan dan digunakan pada bila-bila masa.
2. Papan tanda menunjukkan arah kiblat hendaklah disediakan di sebelah atas setiap bilik (siling).
3. Meletakkan kitab Bible di dalam bilik bagi hotel / rumah tumpangan adalah dilarang sama sekali.
4. Kemudahan alatan pemadam api yang cukup hendaklah disediakan. Pelesen dinasihatkan sentiasa menghubungi pihak Jabatan Bomba Negeri Terengganu.
5. Pelesen hendaklah memastikan perbuatan sembang seperti pelacuran, perjudian dan lain-lain tidak berlaku dalam bilik-bilik hotel/rumah tumpangan.
6. Setiap bilik hotel rumah tumpangan hendaklah disediakan dengan sebuah bakul sampah dan beg plastik.
7. Kawasan lobby / louge / ruang tetamu hendaklah disediakan dengan tong sampah dan bekas-bekas habuk dan puntung rokok.
8. Semua bilik hotel / rumah tumpangan hendaklah terhindar daripada sarang labah-labah, sawang asama ada pada kipas, lampu ataupun pada siling dan dinding.
9. Semua kain-kain cadar, selimut, sarung bantal hendaklah ditukar dan dicuci setiap hari. Barang-barang ini mestilah dalam keadaan bersih. Mana-mana koyak hendaklah ditampal atau diganti dengan yang baru.
10. Segala alatan elektrik dan tempat sambungan hendaklah dalam keadaan baik. Mana-mana yang rosak hendaklah dibaiki.
11. Pelesen hendaklah menentukan kebersihan tandas dan bilik mandi pada setiap masa. Segala alatan tandas dan bilik mandi yang rosak, lantai yang pecah, dinding yang retak dan lain-lain lagi hendaklah dibaiki.
12. Segala halangan pada tangga kecemasan hendaklah dihindarkan.
13. Bilik-bilik hotel / rumah tumpangan yang dilengkapi dengan alat pendingin udara, alatan ini hendaklah keadaan bilik serta selamat digunakan.
14. Kebersihan keseluruhan bilik-bilik hotel / rumah tumpangan, bilik rehat, kaunter hendaklah dalam keadaan bersih dan kemas.
15. **LESEN DAN SYARAT-SYARAT INI MESTI DIPAMERKAN DI TEMPAT YANG MUDAH DILIHAT.**


16. Semua pekerja hotel / rumah tumpangan hendaklah didaftarkan dengan Majlis dan mendapatkan pemeriksaan kesihatan setiap tahun. Nama dan gambar pekerja hendaklah dikemaskinikan apabila diminta oleh pihak berkuasa Pelesenan / Polis.
17. Dilarang pelesen membenarkan mana-mana Pertubuhan Berdaftar mengadakan mesyuarat di premis hotel tanpa kelulusan Majlis ini.
18. Lain-lain syarat yang akan dikenakan dari semasa ke semasa oleh Majlis ini.
19. Majlis boleh membatalkan lesen pada bila-bila masa tanpa memberi sebab.



### 23. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN KEDAI GUNTING / PENDANDAN RAMBUT

1. Lesen hendaklah diperbaharui dan sentiasa aktif pada tahun semasa.
2. Lesen perniagaan mestilah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat pada setiap masa.
3. Menyediakan ruang berasingan dan tertutup bagi pelanggan wanita.
4. Kedai gunting rambut UNISEX (UNISEX HAIR SALOON) **TIDAK DIBENARKAN**. Kedai gunting rambut untuk lelaki ( Barber Shop ) hendaklah diurus oleh lelaki sahaja dan kedai gunting / dandan rambut untuk perempuan ( Hair Dressing Saloon ) diurus oleh perempuan sahaja.
5. Penyediaan ruang tertutup yang mencukupi dan bersesuaian dengan keluasan premis.
6. Pelesen hendaklah menyenggara premis dan perkakas supaya berada dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa.
7. Pelesen hendaklah menyediakan tong sampah yang bertudung dan semua keratin rambut mestilah terlebih dahulu diisikan ke dalam beg plastik sampah serta diikat dengan kemas sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.
8. Bekalan air panas dan sejuk yang mencukupi hendaklah disediakan pada setiap masa.
9. Setiap pendandan rambut hendaklah mencuci tangan dengan sabun atau air bersih dan memberus kuku jika perlu setiap kali sebelum melayan pelanggan.
10. Setiap pendandan rambut hendaklah memakai kot/overall berwarna putih atau warna cerah dan bersih serta diperbuat daripada kain yang boleh dibasuh setiap kali melayan pelanggan.
11. Setiap pendandan/penggunting rambut mestilah menjalani pemeriksaan kesihatan.
12. Setiap pendandan rambut yang didapati ada menghidap penyakit berjangkit atau menular atau apa-apa ruam atau letusan kulit adalah **DILARANG** sama sekali bekerja dipremis.
13. Tuala muka yang digunakan hendaklah direndam di dalam air mendidih atau diwap selama lebih kurang 5 minit dan kemudian dibasuh sebelum digunakan kepada pelanggan.
14. Hanya sabun cecair atau serbuk cukuran boleh digunakan bagi maksud mengeluarkan buih bagi digunakan kepada pelanggan yang memerlukan cukuran.
15. Bekas yang digunakan untuk mengisi air bagi maksud mengeluarkan buih untuk cukuran hendaklah dikosongkan selepas digunakan bagi tiap-tiap pelanggan.
16. Span atau paff bedak **TIDAK BOLEH** digunakan ke atas pelanggan.

17. Pelesen hendaklah menggunakan beg selain plastik sekali guna bagi urusan jual-beli. Plastik sekali guna adalah tidak dibenarkan.
18. Aktiviti perniagaan hanya dibenarkan sehingga pukul 10.00 malam.
19. **TIDAK DIBENARKAN** meludah ke lantai atau dinding premis.
20. **TIDAK BOLEH** menyebabkan atau membenarkan apa-apa binatang masuk atau berada dalam premis.
21. Setiap pelesen mestilah mematuhi syarat-syarat ini dan lain-lain syarat tambahan. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya didapati syarat-syarat/ syarat tambahan yang dikeluarkan tidak dipatuhi.



**24. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PAWAGAM  
(Berdasarkan Garis Panduan Hiburan Negeri Terengganu)**


1. Masa pertunjukan :

HARI	MASA PERTUNJUKAN DIBENARKAN
Sabtu hingga Rabu	10.30 pagi - 7.00 petang 7.30 mlm - jam 12.00 tgh mlm
Khamis	10.30 pg – 6.00 ptg
Jumaat	6.00 ptg – 7.00 ptg 7.30 mlm - 12.00 tgh mlm

2. Pertunjukan ditegah pada hari-hari kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul, Israk Mikraj, Nisfu Syaaban, Aidilfitri dan Aidiladha bermula jam 6.00 petang hari sebelum hingga jam 6.00 petang pada hari itu.
3. Pertunjukan hendaklah dihentikan pada jam 7 petang sehingga 7.30 malam.
4. Pertunjukan tidak dibenarkan pada siang bulan Ramadhan.
5. Tempat duduk penonton lelaki dan wanita hendaklah diasingkan mengikut tiga lokasi, iaitu:
- A. Lokasi lelaki – untuk semua individu atau kumpulan penonton lelaki sahaja,
  - B. Lokasi wanita – untuk semua individu atau kumpulan penonton Wanita sahaja, dan
  - C. Lokasi keluarga – untuk keluarga, pasangan suami isteri atau mahram.
6. Tempat solat hendaklah disediakan.
7. Penonton yang beragama Islam hendaklah berpakaian menutup aurat manakala bukan Muslim hendaklah berpakaian sopan dengan maksud tidak terlalu ketat, jarang dan singkat.
8. Penonton tidak dibenarkan membawa minuman yang memabukkan.
9. Sebarang aktiviti berunsurkan perjudian adalah tidak dibenarkan.

## 25. HARI / WAKTU BAGI AKTIVITI HIBURAN TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI

Malam Jumaat	-	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 3.00 petang
Hari Maulud Nabi	-	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 petang itu
Hari Mikraj	-	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu
Hari Nisfu Syaaban	-	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu
Hari Pertama Raya Puasa	-	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 2.00 petang hari itu
Hari Pertama Raya Haji	-	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 2.00 petang hari itu
Bulan Puasa Ramadhan	-	رمضان Daripada pukul 6.00 petang hingga 9.30 malam
Awal Muharam (Maal Hijrah)	-	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 3.00 petang itu





## 26. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI PERMOHONAN LESEN PAPAN IKLAN PREMIS PERNIAGAAN

### 1. Visual pengiklanan

Pelesen hendaklah:-

- a) Menggunakan bahasa melayu sebagai bahasa utama.
- b) Tulisan bahasa lain boleh digunakan bersekali dengan bahasa melayu. Namun begitu, bahasa melayu hendaklah lebih menonjol, lebih terang dan jelas daripada bahasa lain.
- c) Tulisan jawi di tempatkan paling atas dalam visual.
- d) Mengadakan logo Majlis Perbandaran Kemaman berserta nombor rujukan pelesenan (*cth: MPK/BP/xx/xx/xx*) di bahagian bawah - kanan iklan.
- e) Sekiranya terdapat visual manusia, hendaklah dalam keadaan menutup aurat dan sopan.
- f) Mempamerkan logo atau perkataan "halal", "ditanggung halal" atau lain-lain perkataan yang membawa maksud kepada halal bagi orang islam adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- g) Contoh iklan yang diluluskan :-

SAIZ ¼ DARI  
SAIZ PAPAN IKLAN

**TULISAN JAWI**

JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN

**NAMA SYARIKAT**

ALAMAT PREMIS

NO. RUJUKAN FAIL

SAIZ ¼ DARI  
SAIZ PAPAN IKLAN

**CONTOH PAPAN IKLAN YANG DILULUSKAN**

## 2. Struktur iklan

- a) Pemasangan iklan hendaklah pada ketinggian melebihi 5 meter daripada permukaan jalan.
- b) Iklan menganjur keluar hendaklah dipasang melebihi 1 meter daripada garis bangunan dengan ketinggian pemasangan melebihi 5 meter dari permukaan jalan.
- c) Struktur yang dipasang di bangunan hendaklah mendapat kelulusan (diperakui kukuh) daripada arkitek berdaftar atau jurutera struktur.
- d) Iklan yang telah lusuh, atau rosak hendaklah dibaiki, dicat semula atau dibersihkan supaya berkeadaan terang dan mudah dilihat.
- e) Iklan yang dipasang tanpa kebenaran atau melanggar syarat yang ditetapkan hendaklah diturunkan atau dipindahkan serta-merta. Sekiranya keadaan menghendaki MPK menurunkan iklan tersebut, biaya pemindahan iklan hendaklah ditanggung oleh pelesen.


## 3. Pemulangan Wang Deposit

Syarat pemulangan wang deposit/amanah

- a) Menurunkan papan iklan sehari sebelum tuntutan wang deposit .
- b) Visual yang dipamer adalah sama sebagaimana kelulusan MPK.
- c) Pemasangan di lokasi yang dibenarkan sahaja.
- d) **Kegagalan mematuhi perkara (1), wang amanah akan dibatalkan.**

## 27. PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN & IKLAN

### 27.1 Kaedah Pembaharuan Lesen Perniagaan



### 27.2 Kaedah Pembaharuan Lesen Perniagaan & Iklan

PEMBAHARUAN LESEN	TEMPOH BAYARAN	DOKUMEN & FI	PIAGAM PELANGGAN
<ul style="list-style-type: none"><li>Pembaharuan boleh dibuat di kaunter Pelesenan Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman / / Pejabat Cawangan MPK Kerteh</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Jan sehingga Feb setiap tahun</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Mengemukakan lesen perniagaan semasa dan iklan</li><li>Fi pembaharuan mengikut kadar lesen semasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Kelulusan serta merta sekiranya dokumen lengkap</li></ul>

## 28. PIAGAM PELANGGAN

Tempoh permohonan lesen diproses dan diberikan keputusan sebagaimana berikut:


- a) Permohonan lesen tidak berisiko diberikan kelulusan serta merta di kaunter
- b) Permohonan lesen berisiko diberikan keputusan dalam tempoh 60 hari bekerja.

## 29. FI PEMBAYARAN LESEN

### 29.1 Bayaran Asas Permohonan Lesen Perniagaan dan Iklan

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN	BAYARAN
1.	Bayaran proses selepas kelulusan lesen perniagaan bagi aktiviti Tred dan iklan	50.00	Tunai/ Kad kredit/Debit/ Cek/ Pos	Selepas permohonan diluluskan
2.	Bayaran proses selepas kelulusan lesen perniagaan bagi aktiviti selain Tred dan iklan	20.00	Tunai/ Kad kredit/Debit/ Cek/ Pos	Selepas permohonan diluluskan
3.	Fi lesen mengikut aktiviti perniagaan	Jadual Kedua (Perenggan 3(2) ) (Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian	Tunai/ Kad kredit/Debit/ Cek/ Pos	Selepas permohonan diluluskan
4.	Fi lesen (kecuali badanprofesioanal / aktiviti dikecualikan dari dikenakanlesen perniagaan)	Jadual Kedua (Perenggan 3(2) ) (Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian	-	-

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN	BAYARAN
5.	Fi Iklan	Ditetapkan mengikut saiz papan iklan  * Jadual Kadar Bayaran Fi Jadual Ketiga ( Undang-Undang Kecil Papan Iklan MDK )	Tunai/ Kad kredit/Debit/ Cek/ Pos	Selepas permohonan diluluskan
6.	Bayaran Sarung lesen	7.00	Tunai/ Kad kredit/Debit/ Cek/ Pos	Selepas permohonan diluluskan



## 29.2 Kadar Bayaran Fi Lesen Mengikut Aktiviti Perniagaan

### a) UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN ) 2013)

Jadual Kedua  
[perenggan 3(2)]

NO	JENIS TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN YANG DIJALANKAN DI DALAM PREMIS	FI LESEN
A.	ALATAN RUMAHTANGGA, ALATAN PEJABAT DAN PERKAKAS BAHAGIAN I	
1.	Menyimpan atau menjual alat solek atau alat keperluan bersuci:	
(a)	Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 200.00
(b)	Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 350.00
(c)	Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 450.00
2.	Menyimpan atau menjual perhiasan atau dandanan diri:	
(a)	Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 200.00
(b)	Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 350.00
(c)	Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 450.00
3.	Menjual suratkhobar, majalah, buku atau alatulis:	
(a)	Kiosk	RM 80.00
(b)	Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 200.00
(c)	Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 350.00
(d)	Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 450.00
4.	Menyimpan atau menjual peralatan kelengkapan rumahtangga:	
(a)	Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 200.00
(b)	Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 350.00
(c)	Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 450.00
5.	Menyimpan atau menjual kelengkapan perabot:	
(a)	Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 200.00
(b)	Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 350.00
(c)	Keluasan melebihi 280 mps	RM 450.00

6. Menyimpan atau menjual kelengkapan pejabat:
- |     |  |           |
|-----|--|-----------|
| (a) | Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps                         | RM 200.00 |
| (b) | Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps | RM 350.00 |
| (c) | Keluasan lantai melebihi 280 mps                               | RM 450.00 |
7. Menyimpan atau menjual detergen, bahan pencuci dan bahan-bahan yang berkaitan:
- |     |  |           |
|-----|--|-----------|
| (a) | Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps                         | RM 200.00 |
| (b) | Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps | RM 350.00 |
| (c) | Keluasan lantai melebihi 280 mps                               | RM 450.00 |
8. Menyimpan atau menjual peralatan ibadat /sembahyang atau barang-barang yang berkaitan:
- |     |  |           |
|-----|--|-----------|
| (a) | Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps                         | RM 200.00 |
| (b) | Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps | RM 350.00 |
| (c) | Keluasan lantai melebihi 280 mps                               | RM 450.00 |
9. Menyimpan atau menjual barangan elektrik:
- |     |  |           |
|-----|--|-----------|
| (a) | Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps                         | RM 200.00 |
| (b) | Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps | RM 350.00 |
| (c) | Keluasan lantai melebihi 280 mps                               | RM 450.00 |
10. Membaiki barang elektrik:
- |     |  |           |
|-----|--|-----------|
| (a) | Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps                         | RM 200.00 |
| (b) | Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps | RM 350.00 |
| (c) | Keluasan lantai melebihi 280 mps                               | RM 450.00 |
11. Membaiki dapur gas:
- |     |  |           |
|-----|--|-----------|
| (a) | Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps                         | RM 200.00 |
| (b) | Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps | RM 350.00 |
| (c) | Keluasan lantai melebihi 280 mps                               | RM 450.00 |
12. Memotong kaca atau membingkai gambar:
- |     |  |           |
|-----|--|-----------|
| (a) | Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps                         | RM 200.00 |
| (b) | Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps | RM 350.00 |
| (c) | Keluasan lantai melebihi 280 mps                               | RM 450.00 |
13. Menyimpan atau menjual pasu, pinggan mangkuk atau barang-barang lain dari tembikar, kaca atau plastik:
- |     |   |           |
|-----|---|-----------|
| (a) | Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps  | RM 200.00 |
| (b) | Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi | RM 350.00 |

- tidak melebihi 280 mps
- (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 450.00
14. Menyimpan atau menjual permaidani:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 200.00
- (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 350.00
- (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 450.00
15. Menyimpan atau menjual barang-barang kraftangan:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 200.00
- (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 350.00
- (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 450.00
16. Menyimpan atau menjual rekod, pita, filem atau cakera:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 200.00
- (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 350.00
- (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 450.00
17. Kedai gambar atau kedai memproses gambar:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 200.00
- (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 350.00
- (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 450.00
18. Perkhidmatan fotokopi:
- (a) Mesin pertama RM 60.00
- (b) Bagi setiap tambahan mesin RM 30.00
19. Perkhidmatan percetakan:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 360.00
- (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 480.00
- (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 600.00
20. Menyimpan atau menjual mancis:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 200.00
- (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 350.00
- (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 450.00
21. Menyimpan atau menjual lampu hiasan:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 200.00
- (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 350.00



(c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 450.00

## BAHAGIAN II

22. Membuat alat solek atau alat keperluan bersuci:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 240.00
  - (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 420.00
  - (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 600.00
23. Membuat bahan pencuci:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 240.00
  - (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 420.00
  - (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 600.00
24. Membuat peralatan ibadah/sembahyang, atau barang-barang yang berkaitan:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 240.00
  - (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 420.00
  - (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 600.00
25. Membuat barangan alat-alat tulis:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 240.00
  - (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 420.00
  - (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 600.00
26. Membuat pasu, pinggan mangkuk atau lain-lain barangan daripada tembikar, kaca atau plastik:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 200.00
  - (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 420.00
  - (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 600.00
27. Membuat payung atau baju hujan:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 240.00
  - (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 420.00
  - (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 600.00
28. Membuat bekas air panas:
- (a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps RM 240.00
  - (b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps RM 420.00
  - (c) Keluasan lantai melebihi 280 mps RM 600.00

29. Membuat zip:
- |     |  |           |
|-----|--|-----------|
